

14/02/1998

Kongsi prasarana atau gabung

SHAH ALAM, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan telefon selular, mahu syarikat pengendali bergabung, bekerjasama atau berkongsi prasarana, bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka harus mengetepikan kepentingan kecil syarikat untuk memastikan mutu perkhidmatan yang lebih baik diberikan kepada pengguna.

"Ketika membuat panggilan dalam perjalanan ke sini, saya mendapati gangguannya luar biasa. Kita tidak berpuas hati kerana sebahagian daripada masalah ini disebabkan prasarana yang diperlukan belum dibina.

"Kita memiliki harapan tinggi tetapi prasarana yang ada tidak mencukupi. Sebab itu kita perlu berusaha supaya Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos (Datuk Leo Moggie) menggesa syarikat terbabit bekerjasama, bergabung atau mengguna prasarana yang sama," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berucap merasmikan kilang telefon selular Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd di sini, hari ini. Hadir sama ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Telefonaktiebolaget LM Ericsson, Dr Lars Ramqvist.

Menurutnya, mutu perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia amat lemah berbanding negara lain seperti Sweden kerana prasarana yang diperlukan masih belum dibina.

Pengendali Sistem Komunikasi Mudah Alih Global (GSM) masih perlu memasang 1,200 stesen penerima radio manakala pengendali Jaringan Komunikasi Peribadi (PCN) perlu memasang 2,500 stesen.

Sebelum ini, kerajaan, dalam usaha merasionalisasikan industri telekomunikasi negara, pernah meminta enam syarikat telekomunikasi yang mengendalikan lapan sistem perkhidmatan telefon selular bergabung atau berkongsi prasarana.

Bagaimanapun, gesaan itu ditolak syarikat terbabit dan kerajaan menyerahkan kepada kuasa pasaran menentukannya.

Mengikut rasionalisasi industri telekomunikasi, kerajaan mahu semua pengendali rangkaian yang ada bergabung menjadi tiga syarikat besar saja dan akan diberikan taraf pengendali rangkaian penuh.

Anwar berkata, penembusan penggunaan telefon selular di negara yang mencecah 13.1 peratus membanggakan tetapi masih banyak ruang untuk diperbaiki. Walaupun perangkaan itu agak tinggi, ia mengelirukan kerana kebanyakan warga korporat memiliki lebih daripada satu telefon dan ada sehingga enam telefon.

"Jika faktor ini diambil kira kadar penembusan adalah lebih rendah," katanya.

Kerajaan berterima kasih kepada Ericsson kerana memilih Malaysia sebagai lokasi pertama di Asia bagi pengeluaran telefon selular untuk rantau Asia-Pasifik.

Menurutnya, keyakinan berterusan Ericsson terhadap Malaysia akan mengembalikan serta mengukuhkan keyakinan pelabur lain terhadap ekonomi negara yang mulai pulih daripada kegawatan yang melanda negara Asia Tenggara.

Anwar juga mengulangi komitmen kerajaan untuk terus memberikan apa juga bantuan dan sokongan kepada pelabur bagi mewujudkan suasana pelaburan yang baik serta memastikan mereka berasa yakin dan diperlukan.

Beliau berkata, Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah membuktikan konsistensi dalam polisi dan sentiasa mendapat sokongan padu rakyat.

"Polisi ekonomi negara bukan saja mengambil kira masalah jangka pendek negara tetapi juga kepentingan negara untuk jangka sederhana dan panjang," katanya.

(END)